

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI  
[ SETIAWANGSA – BN ]**

**TARIKH : 16 MAC 2015 (ISNIN)**

**SOALAN (NO. 75)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan tindakan Kementerian ke atas Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) yang didakwa tidak sensitif mengenai jadual perlawanan bola sepak yang diatur bertindih dengan hari-hari perayaan besar di Malaysia.

SULIT

## **JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan sememangnya peka terhadap jadual perlawanan bola sepak yang telah diadakan bertindih dengan hari-hari perayaan besar di Malaysia. Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) merupakan badan yang bertanggungjawab dalam menyediakan jadual-jadual pertandingan menjelaskan bahawa pertindihan jadual perlawanan tersebut tidak dapat dielakkan ekoran kepadatan jadual perlawanan antarabangsa yang secara tidak langsung memberi kesan kepada jadual perlawanan pemain-pemain tempatan.
2. Namun begitu, pihak Kementerian memandang serius terhadap isu ini dan akan menasihatkan FAM supaya insiden pertindihan perlawanan tersebut perlu dielakkan daripada berulang lagi.

Sekian, terima kasih.